



Rujukan : UKM.PPI.100-1/3/2

Tarikh : 24 Februari 2020

**PEKELILING CRIM BIL. 1/2020**

**DEKAN/PENGARAH  
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN BAYARAN SAGUHATI PENYELIDIKAN KEPADA KAKITANGAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sehubungan dengan ini, adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan CRIM Bil. 2/2020 pada 18 Februari 2020 telah bersetuju meluluskan Garis Panduan Bayaran Saguhati Penyelidikan kepada Kakitangan UKM seperti pada **Lampiran 1**. Garis panduan ini adalah garis panduan yang menyatakan peraturan permohonan bayaran saguhati kepada kakitangan UKM menggunakan peruntukan projek penyelidikan dan berkuat kuasa mulai 1 Mac 2020.

3. Justeru, kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon agar dapat memaklumkan perkara ini kepada staf di fakulti/institut/pusat masing-masing. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan boleh berhubung terus dengan pegawai CRIM di bawah Seksyen Geran Universiti & Geran Luar di talian 03-89214679/4392 atau Seksyen Data & Geran KPM di talian 03-89215631/4064.

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini adalah sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**PROF. DR. ISMANIZAN ISMAIL**  
Pengarah  
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi  
Universiti Kebangsaan Malaysia

*Berlampir*



**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 4679 Faks: +603-8921 4550 E-mel: [drmc@ukm.edu.my](mailto:drmc@ukm.edu.my) Web: <http://research.ukm.my>

- s.k. ~ Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)  
Universiti Kebangsaan Malaysia
- ~ Pendaftar  
Jabatan Pendaftar  
Universiti Kebangsaan Malaysia
- ~ Bendahari  
Jabatan Bendahari  
Universiti Kebangsaan Malaysia



CERTIFIED TO MS ISO 9001 2015

Cert. No. QMS 02549

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4679 Faks: +603-8921 4550 E-mel: [drmc@ukm.edu.my](mailto:drmc@ukm.edu.my) Web: <http://research.ukm.my>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



[www.ukm.my](http://www.ukm.my)

## SENARAI EDARAN

### Dekan/Pengarah

- Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
- Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
- Fakulti Pengajian Islam
- Fakulti Pendidikan
- Fakulti Undang-Undang
- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
- Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
- Fakulti Perubatan
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Sains Kesihatan
- Fakulti Farmasi
- UKM-Graduate School of Business (UKM-GSB)
- Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM
- Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
- Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
- Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)
- Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN)
- Institut Perubatan Molekul (UMBI)
- Institut Perubahan Iklim (IPI)
- Institut Biologi Sistem (INBIOSIS)
- Institut Sel Fuel (SELFUEL)
- Institut Islam Hadhari (HADHARI)

- Institut Kajian Etnik (KITA)
- Institut Informatik Visual (IVI)
- Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI)
- Institut Telinga, Pendengaran & Pertuturan (HEARS)
- Pusat Citra Universiti (CITRA)
- Pusat GENIUS@Pintar Negara
- UKM-Pusat Pembangunan Keusahawanan & EKS (UKM-CESMED)
- Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim (PKWTFH)
- Pusat Siswazah
- Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (PENGAJARAN UKM)
- Pusat IDEA UKM
- Pusat Inovasi Kolaboratif



## 1.0 TUJUAN

Garis Panduan Bayaran Saguhati Penyelidikan ini bertujuan untuk menetapkan peraturan permohonan bayaran saguhati kepada kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menggunakan peruntukan projek penyelidikan.

## 2.0 PANDUAN

- 2.1 Saguhati penyelidikan bermaksud bayaran atau upah yang dibayar kepada mana-mana pihak untuk menyempurnakan tugas berkaitan dengan projek penyelidikan yang telah ditetapkan oleh ketua projek.
- 2.2 Bayaran saguhati menggunakan peruntukan projek penyelidikan boleh dibayar kepada kakitangan akademik dan bukan akademik UKM yang tidak terlibat secara langsung sebagai penyelidik dalam projek berkenaan dan mestilah memenuhi perkara berikut :
- (i) Kerja yang berdasarkan bidang kepakarannya sahaja.
  - (ii) Kerja yang dilakukan di luar waktu kerja bagi kakitangan bukan akademik.
  - (iii) Semua kakitangan berjawatan tetap, kontrak, sementara dan sambilan.
- 2.3 Bayaran saguhati menggunakan peruntukan projek penyelidikan tidak boleh dibayar kepada :
- (i) ketua projek atau penyelidik bersama.
  - (ii) kakitangan penyelidikan (Penyelidik Pasca Doktor/Pembantu Penyelidik/Pembantu Penyelidik Siswazah/mana-mana skim jawatan yang dilantik oleh UKM) di bawah projek penyelidikan tersebut dan tempoh lantikan masih aktif.
- 2.4 Bagi projek penyelidikan di bawah dana luar, bayaran saguhati boleh dibuat tertakluk kepada cadangan penyelidikan yang telah diluluskan oleh pemiaya dana atau perjanjian yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak atau surat kelulusan khas daripada pemiaya dana.

### **3.0 TATACARA BAYARAN**

3.1 Urusan bayaran saguhati boleh dikemukakan oleh ketua projek kepada Jabatan Bendahari (Zon Kewangan Penyelidikan berkaitan) setelah aktiviti penyelidikan berjaya dilaksanakan dengan mengemukakan dokumen berikut :

- (i) Surat rasmi yang menyatakan arahan pembayaran dengan kadar bayaran yang ditetapkan oleh ketua projek (Kadar adalah tertakluk kepada ketetapan dan garis panduan yang berkuat kuasa);
- (ii) *Curriculum Vitae* (CV) ringkas yang menyokong kepakaran kakitangan berkenaan (jika berkaitan);
- (iii) Pengesahan penyempurnaan tugas oleh kakitangan berkenaan dalam bentuk laporan ringkas yang disahkan oleh ketua projek; dan
- (iv) Pengesahan menjalankan tugas di luar waktu kerja yang disahkan oleh Dekan/Pengarah kakitangan berkenaan (bagi kakitangan bukan akademik sahaja).

### **4.0 TARIKH KELULUSAN**

Garis Panduan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Pengurusan CRIM Bil. 2/2020 pada 18 Februari 2020.

### **5.0 PENGUATKUASAAN**

Garis Panduan ini terpakai untuk semua projek penyelidikan di UKM dan berkuat kuasa mulai 1 Mac 2020.

Disediakan oleh:

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM)  
UKM